

**SOALAN NO. : 29/23**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[BETONG]**

**TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN :**

**DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS [ BETONG ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah perkembangan usaha ke arah matlamat mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (*Green House Gas*) sebanyak 45% menjelang 2030, yang Malaysia janjikan di COP 21.**

Bagi mencapai sasaran NDC negara, Kerajaan sedang membangunkan '*Roadmap for effective implementation of NDC and adoption to the Paris Agreement*'. Roadmap ini dibangunkan untuk mengenalpasti strategi, kaedah, dan keperluan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi oleh pelbagai sektor berkaitan bagi mencapai sasaran NDC negara. Dalam masa yang sama, Kerajaan melalui Kementerian dan Agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan GHG di bawah sektor-sektor utama GHG negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Inisiatif-inisiatif ini secara langsung menyumbang kepada sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG di dalam NDC negara.

Sekian, terima kasih.